

**Menteri Luar Sepanyol Mengunjungi Najib
Bernama
28 Mac, 2014**

PUTRAJAYA, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima kunjungan Menteri Luar dan Kerjasama Sepanyol Jose Manuel Garcia Margallo di bangunan Perdana Putra di sini.

Pertemuan itu yang berlangsung hampir 40 minit, antara lain membincangkan tentang hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Margallo sedang dalam rangka lawatan rasmi dua hari di Malaysia bermula semalam.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, Margallo akan mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawat di Malaysia Datuk Seri Anifah Aman untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu serantau dan antarabangsa kepentingan bersama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025750>